

KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA



Encik Rosman bin Roslan

Yang Dipertua Majlis Daerah Marang

***Assalammualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera***

Alhamdulillah, bersyukur saya ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya Pelan Strategik Majlis Daerah Marang (MDM) 2015-2020 yang mengandungi perancangan strategik MDM bagi tempoh lima (5) tahun dapat dihasilkan.. Sesungguhnya, Majlis Daerah Marang berdepan dengan cabaran besar untuk kekal sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dinamik dan cemerlang, bukan sahaja di Negeri Terengganu bahkan di seluruh Malaysia.

Berpaksikan kepada prinsip mendahulukan kesejahteraan penduduk dengan berlandaskan slogan Tranformasi Terengganu Baharu (TTB), tujuan utama perancangan strategik ini diadakan adalah bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan ke arah menjadikan Majlis Daerah Marang (MDM) sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terunggul dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran.

Sebagaimana sedia maklum, dalam setiap organisasi perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan terhadap apa jua program yang dirancang dan dilaksanakan. Sehubungan itu, Pelan Strategik ini akan menjadi panduan kepada semua kakitangan MDM di dalam merancang apa jua program yang akan dilaksanakan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam pembentukan Pelan Strategik MDM 2015 -2020 ini, terutamanya kepada Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian serta semua kakitangan. Semoga apa yang telah direncanakan akan dapat direalisasikan demi kebaikan MDM dan orang ramai.

Sekian.

KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA



Encik Wan Saifullizam bin Wan Jusoh @ Wan Ali
Setiausaha Majlis Daerah Marang

***Assalammualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera***

Perancangan Strategik amat penting untuk pengurusan sesebuah organisasi. Ia menjadi sumber rujukan induk yang menggariskan hala tuju organisasi bersesuaian dengan visi dan misi organisasi.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua kakitangan yang terlibat dengan penyediaan Pelan Strategik MDM 2015 – 2020. Sesungguhnya, pelan ini telah menjadi panduan kepada kakitangan MDM di dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti serta program-program MDM bagi memastikan ia mengikut landasan dan sasaran yang telah ditetapkan.

Pelan Strategik MDM 2015 - 2020 ini adalah bukti kesungguhan pihak MDM untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi kesejahteraan rakyat. Semoga apa yang telah digariskan akan dapat memenuhi kehendak *stakeholders* serta pelanggan dan seterusnya akan menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan MDM.

Insyallah.

BAB 1: PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik MDM 2015-2020 bertujuan untuk membantu pihak pengurusan serta semua kakitangan MDM mendepani cabaran yang akan datang di dalam menjalankan tugas masing-masing. Dengan adanya pelan ini, hala tuju organisasi pada jangka masa panjang akan dapat dilihat dalam skop yang lebih luas di mana pelan ini boleh dijadikan sumber rujukan di dalam penyediaan perancangan kerja tahunan oleh setiap jabatan dalam MDM serta semua kakitangan. Sehubungan itu, perancangan yang dibuat akan selaras dengan visi, misi dan objektif MDM sepanjang tempoh 2015 sehingga 2020.

Semoga dengan adanya dokumen ini sebagai penanda aras, diharap Majlis Daerah Marang akan terus maju, berdaya saing dan berada dalam landasan yang tepat demi kesejahteraan rakyat.


PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG ORGANISASI

MDM ditubuhkan pada 1 Januari 1981, setelah penyusunan semula Pentadbiran Penguasa Tempatan dijalankan. Pada awal penubuhan, kawasan pentadbiran hanya meliputi dua (2) mukim iaitu Mukim Rusila dan Mukim Pulau Kerangga merangkumi kawasan seluas 43.10 km persegi yang mengandungi 13 buah kampung.

Seterusnya, pada 15 Februari 1996, kawasan pentadbiran MDM telah diperluaskan ke seluruh Daerah Marang merangkumi kawasan seluas 666.54 km persegi yang terdiri daripada 6 mukim iaitu Mukim Rusila, Mukim Pulau Kerangga, Mukim Merchang, Mukim Jerong, Mukim Bukit Payung dan Mukim Alor Limbat.

MDM diterajui oleh Yang Dipertua dan Setiausaha. Pada masa sekarang penyandang bagi kedua-dua jawatan ini adalah Pegawai Tadbir Negeri di bawah perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (Pengurusan dan Profesional). Walaupun diterajui oleh Yang Dipertua dan Setiausaha, segala dasar di dalam pentadbiran MDM diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Daerah Marang yang dianggotai oleh Ahli-Ahli Majlis seramai 25 orang (termasuk Yang Dipertua). Ahli-Ahli majlis ini dilantik mengikut Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH MARANG



FUNGSI DAN PERANAN AGENSI

Struktur organisasi MDM mengandungi enam (6) jabatan utama iaitu Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Jabatan Kesihatan Awam dan Perlesenan, dan Jabatan Kejuruteraan. Fungsi jabatan-jabatan ini adalah seperti berikut:

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan Khidmat Pengurusan terdiri daripada empat (4) bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Penguatkuasaan.

Fungsi utama jabatan ini adalah seperti berikut:

1

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Mengurus, menyedia serta mengemaskini rekod-rekod perkhidmatan, data personel, persaraan, cuti dan sebagainya.

Mengurus dan menyediakan penggunaan kad perakam waktu.

Mengurus urusan pencen kakitangan.

Mengurus dan menyelia pengurusan tatatertib.

2

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

Memastikan pejabat dan persekitaran pejabat sentiasa berada di dalam keadaan selamat.

Menyelaras urusan surat-menyurat rasmi MDM.

Urusetia kepada Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil.

Mengedarkan surat-surat yang telah diterima / disemak oleh Yang Dipertua / Setiausaha kepada jabatan- jabatan.

3

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Merancang halatuju ICT MDM.

Merangka dan menjayakan program-program ICT.

Merancang dan melaksanakan penyelenggaraan perkakasan ICT.

Merangka serta membangunkan sistem ICT mengikut keperluan dan arahan dari semasa ke semasa.

Menguruskan pusat penyimpanan data digital ke *server* (Pangkalan data).

4

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan berdasarkan kepada :

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
- Undang- Undang Kecil Majlis Daerah Marang.
- Dasar-dasar yang diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Daerah Marang dan Pihak Berkuasa Negeri.

Menyiasat aduan yang berkaitan.

JABATAN PERBENDAHARAAN

Fungsi utama Jabatan Perbendaharaan adalah seperti berikut:

Menyedia anggaran belanjawan tahunan.

Menerima, memproses dan merekod kutipan hasil.

Menyedia pesanan tempatan / inden kerja bagi permohonan perbelanjaan yang telah diluluskan.

Membuat bayaran bagi semua perbelanjaan MDM.

Mengendali rekod-rekod harta modal dan inventori MDM.

Menjadi urusetia perolehan sebut harga dan tender MDM.

Menyedia penyata / laporan kewangan MDM setiap tahun.

Menyedia maklumat kewangan / akaun untuk teguran audit.

Membuat pelaburan ke atas lebihan hasil MDM.

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Jabatan Penilaian dan Bahagian Pengurusan Harta terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Penilaian dan Bahagian Pengurusan Harta.

Fungsi utama jabatan ini adalah seperti berikut:

1

BAHAGIAN PENILAIAN

Menyediakan senarai bangunan (rumah) bagi semua harta yang terletak di kawasan Majlis bagi tujuan Cukai Taksiran Am.

Menyediakan Senarai Nilai bagi semua bangunan milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis bagi maksud Caruman Membantu Kadar.

Menyediakan Kadar Peratus Cukai Taksiran setiap tahun bagi semua kawasan kadaran dan memanjangkan ke Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk kelulusan.

Menyedia, memeriksa dan mengesahkan laporan mengenai rumah runtuh, terbakar atau tidak layak didiami untuk dibatalkan dari Senarai Nilai dan di dalam kes rumah kosong untuk diberi rebat cukai taksiran atau remisi.

Menguatkuasakan tindakan undang-undang bagi tuntutan cukai taksiran dan tunggakan Cukai Taksiran Am (CTA).

Bertanggungjawab mendaftar maklumat terkini pegangan bercukai melalui semakan di pelbagai agensi yang berkaitan dan mengemaskini di dalam sistem berkomputer.

Mengemaskini rekod-rekod aras nilai semasa atau *'tone of the list'*

melalui penilaian semula yang dilakukan setiap lima (5) tahun jika mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

2

BAHAGIAN PENILAIAN PENGURUSAN HARTA

Mengurus harta-harta MDM seperti perkedaian, gerai dan pasar untuk disewa, dipajak dan sebagainya.

Membuat pemantauan tunggakan sewaan.

Merekod tanah-tanah milik MDM sebagai aset tetap.

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN LANDSKAP

Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Bahagian Landskap.

Fungsi utama Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap adalah seperti berikut :

1

BAHAGIAN PERANCANGAN

Penasihat kepada pentadbiran MDM berhubung perkara-perkara yang melibatkan perancangan pembangunan daerah.

Merancang pemajuan, penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasan pentadbiran MDM.

Berperanan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sebagaimana keperluan undang-undang di bawah Seksyen 5(1) Akta 172 (Akta

Perancangan Bandar & Desa 1976).

Menyediakan ulasan teknikal bagi Permohonan Kebenaran Merancang untuk mendapatkan pertimbangan / kelulusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MDM.

Menyediakan ulasan teknikal kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Marang bagi permohonan tukar syarat, permohonan tanah kerajaan.

Menyediakan ulasan teknikal kepada pihak UPEN Terengganu bagi permohonan pembangunan / projek khas.

Menyediakan khidmat nasihat dan ulasan teknikal mengenai kawalan pembangunan dan perancangan.

Mengendalikan pembangunan sistem GIS dan maklumat gunatanah daerah.

2

BAHAGIAN LANDSKAP

Menyelaras dan menguruskan pembangunan landskap MDM selaras dengan polisi, dasar dan garis panduan landskap.

Menyelaras, menyusun atur dan mengemaskini operasi harian landskap

Memastikan garis panduan landskap yang lengkap, terkini dan teratur digunakan di dalam keseluruhan aspek pengurusan landskap MDM.

Mengenalpasti kawasan bagi perancangan dan pelaksanaan elemen landskap dan rekreasi.

Merekabentuk, menyelenggara dan memelihara kawasan landskap dan rekreasi.

Memberi perkhidmatan pinjaman dan sewaan pokok bunga hiasan serta rekabentuk hiasan pentas.

UNIT PUSAT SEHENTI

Unit Pusat Sehenti atau '*One Stop Centre*' (OSC) adalah satu unit setempat yang menerima dan memproses permohonan cadangan pemajuan tanah dan pelan bangunan daripada orang ramai dan pemaju. Dengan adanya unit ini, pemohon tidak perlu pergi dari satu agensi ke agensi lain untuk mendapatkan kelulusan permohonan-permohonan tersebut :

Fungsi utama unit ini adalah seperti berikut :

Menyelaras dan memproses permohonan Kebenaran Merancang, Permohonan Pembangunan Tanah (kecuali tukar syarat tanah sahaja) di bawah Seksyen 1214A dan 204D Kanun Tanah Negara; dan Pelan Bangunan.

Memaklumkan keputusan melalui telefon, OSC Online, laman web Portal OSC dan surat kelulusan.

Bertindak sebagai urusetia bagi menyelaraskan dan memastikan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang bersidang setiap dua (2) kali sebulan dapat berjalan dengan lancar.

JABATAN KEJURUTERAAN

Terdapat tiga (3) Bahagian di Jabatan ini iaitu Bahagian Kejuruteraan Awam,, Bahagian Kejuruteraan Mekanikal / Elektrik dan Bahagian Kawalan Bangunan. Fungsi utama bahagian adalah seperti berikut:

1

BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM

Merancang projek-projek pembangunan baharu dalam kawasan MDM

- a. Bangunan
- b. Jalan
- c. Longkang
- d. Projek keindahan dan pelancongan

Merancang projek-projek penyelenggaraan dalam kawasan MDM

- a. Bangunan
- b. Jalan
- c. Longkang

Memohon peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Melaksanakan projek-projek pembangunan dalam kawasan MDM.

- a. Kerja-kerja penyiasatan dan ukur
- b. Penyediaan pelan-pelan projek pembangunan
- c. Penyediaan dokumen Tender dan Sebutharga
- d. Proses mengeluarkan dokumen Tender dan Sebutharga
- e. Proses keputusan Tender dan Sebutharga

Mengeluarkan arahan dan pelaksanaan kerja

Pengawasan dan penyeliaan projek

Pemprosesan bayaran.

3

BAHAGIAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL / ELEKTRIK

Mekanikal

- Menyelenggara kenderaan milik MDM secara berkala
- Menyediakan laporan kerosakan dan menyenaraikan keperluan alat ganti kenderaan
- Mencatat dan mengemaskini penggunaan minyak kenderaan

Elektrikal

- Menerima dan menyiasat permohonan lampu awam di Daerah Marang
- Menyiasat aduan awam berkaitan lampu awam dan bangunan milik MDM
- Mencatat dan mengemaskini penggunaan minyak kenderaan



3 BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN

Kelulusan Pelan-pelan Bangunan :

- a. Pelan Bangunan Satu (1) Unit
- b. Pelan Bangunan Dua (2) Unit
- c. Pelan Bangunan Sementara
- d. Pindaan dan Pengubahsuaian

Kelulusan pelan bangunan bagi permit sementara

Proses pengembalian wang amanah

Penguatkuasaan ke atas bangunan tanpa kelulusan.

Menyiasat aduan berkaitan

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN PELESENAN

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Pelesenan terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Bahagian Pelesenan dan Bahagian Kesihatan Awam.

Fungsi utama Jabatan Perbandaran dan Pelesenan adalah seperti berikut:



1 BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Mengurus kerja-kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam

Mengurus tapak pelupusan sisa pepejal

Menangani aduan kacauganggu awam berkaitan sisa pepejal dan

pembersihan awam

Menguatkuasakan undang-undang berkaitan pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam

Mengurus Kempen Kebersihan

2

BAHAGIAN PELESENAN

Menguatkuasakan undang – undang berkaitan pelesenan premis dan iklan

Memproses permohonan lesen baru, pembaharuan lesen dan permit hiburan

Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan

Menangani aduan kacauganggu yang berpunca daripada premis yang dilesenkan

Menyedia sistem rekod pelesenan

3

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

Menjalankan aktiviti pembasmian jentik–jentik dan nyamuk dewasa

Menjalankan kempen pencegahan Denggi


Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan bagi kawalan vektor

PUNCA KUASA

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
4. Undang-Undang Kecil Majlis Daerah Marang :
 - ✓ The Boarding House Rules
 - ✓ Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Marang 1984
 - ✓ Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Marang)1990
 - ✓ Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Marang) 1989
 - ✓ Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Jalan Parit dan Bangunan (Terengganu) 1984
 - ✓ Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Majlis Daerah Marang 1984
 - ✓ Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Marang) 1989
 - ✓ Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Marang) 1989
 - ✓ Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Marang) 1988
 - ✓ Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pemandan Rambut (Majlis Daerah Marang) 1989
 - ✓ Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Marang) 1990
 - ✓ Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Marang) 1992
 - ✓ Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Marang) 1992
 - ✓ Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Marang) 1992
 - ✓ Undang-Undang Kecil Storkayu dan Kerjakayu (Majlis Daerah Marang) 1995

- ✓ Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Marang) 1989
- ✓ Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002
- ✓ Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002
- ✓ Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Terengganu) 2012

STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN



BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN

ISU-ISU DAN CABARAN-CABARAN KRITIKAL

BIL	ISU-ISU STRATEGIK	CABARAN-CABARAN KRITIKAL
1	PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ORGANISASI	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan yang sentiasa berubah. • Sumber kewangan yang terhad. • Sebilangan undang-undang kecil yang belum dikemaskini. • Kakitangan yang kurang mahir. • Kakitangan yang kurang peka dengan peraturan pejabat.
2	MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI SECARA KOLEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> • Kebergantungan yang tinggi terhadap Kerajaan. • Penduduk gagal memanfaatkan sumber yang ada. • Saingan dengan Bandar yang terdekat. • Kurang peluang pekerjaan. • Imigrasi generasi muda ke Bandar. • Tiada pelabuhan. • Masih menggunakan aras nilai yang lama untuk penilaian cukai harta. • Kurang kesedaran terhadap teknologi terkini. • Kurang Institusi Pendidikan Tinggi. • Kekurangan pelabur luar.
3	KEBERSIHAN DAN KECERIAN BANDAR	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap kesedaran/disiplin penduduk masih rendah terhadap kebersihan persekitaran. • Kurang kerjasama orang awam. • Longgokan sampah haram. • Kurang kesedaran sivik. • Tiada pelan Induk Lanskap.

4 KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

- Kesedaran sivik yang rendah.
- Persepsi negatif masyarakat terhadap aktiviti Penguatkuasaan.
- Kurang kemudahan infrastruktur (lalan pejalan kaki).
- Tiada hospital daerah dan kekurangan kemudahan awam.

5 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR / FIZIKAL

- Sumber kewangan terhad.
- Industri tidak terancang.
- Peningkatan harga hartanah yang tinggi disebabkan permintaan yang tinggi.
- Topografi yang tidak sekata.

BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK



VISI



- Marang Mampan, Progresif dan Sejahtera 2020.



MISI



- “Menggerakkan Kerjasama Erat Pihak Berkuasa Tempatan dan Komuniti Yang Cepak Dalam Melestarikan Pembangunan Yang Efektif dan Proaktif”



MOTO/SLOGAN



- “Komuniti Berkualiti, Marang Lestari”

NILAI BERSAMA / NILAI TERAS SEPUNYA

NILAI TERAS	HURAIAN
PROFESIONAL	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan tugas dengan pengetahuan yang penuh dan berprestasi tinggi. • Bertindak dengan penuh komited dengan memanfaatkan potensi dan kepakaran spesifik apabila mencadangkan penyelesaian dan penambahbaikan bagi setiap masalah.
INTEGRITI	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja dengan penuh dedikasi, bertanggungjawab, jujur dan amanah bagi mencapai matlamat agensi. • Sentiasa komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. • Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti <i>output</i> yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah.
KOMITED	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa fokus dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.
KONSISTEN	<ul style="list-style-type: none"> • Mengamalkan budaya kerja yang berterusan dan tekun.
KREATIF DAN INOVATIF	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa beridea baru. • Melaksanakan transformasi organisasi setiap masa serta sentiasa melahirkan idea yang positif.
AKAUNTABILITI	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.

PROFESIONALISMA & INTELEKTUAL	<ul style="list-style-type: none"> Berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi.
BERDISIPLIN	<ul style="list-style-type: none"> Membuat perancangan jadual kerja yang terancang.
PRIHATIN	<ul style="list-style-type: none"> Menyelami isu rakyat dan mengambil tindakan untuk menyelesaikannya.
KERJA BERPASUKAN	<ul style="list-style-type: none"> Dengan berpasukan, organisasi dapat meningkatkan hasil tanpa meningkatkan sumber kerana kerja berpasukan melibatkan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dapat menghasilkan prestasi kerja yang lebih tinggi berbanding jika dilakukan secara bersendirian.
MESRA	<ul style="list-style-type: none"> Interaksi yang harmoni antara individu yang berteraskan keikhlasan dan kejujuran.
EFEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> Kaedah pelaksanaan yang memberi kesan menyeluruh tanpa melibatkan birokrasi dan penggunaan masa serta tenaga kerja yang berlebihan. Perkhidmatan dan prasarana yang disediakan memberi manfaat dan kepuasan kepada semua <i>stakeholders</i>.
EFISIEN	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan sumber sedia ada dikelola secara bijaksana untuk memastikan hasil dapat dijana secara optimum untuk pembangunan Daerah Marang.




OBJEKTIF MAJLIS DAERAH MARANG

- ✚ Memberi perkhidmatan pentadbiran yang cekap.
- ✚ Mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan awam untuk masyarakat setempat.
- ✚ Mempertingkatkan perancangan pembangunan meliputi semua sektor ke tahap yang lebih tersusun dan mantap.
- ✚ Mengadakan kemudahan asas yang cukup kepada penduduk dalam kawasan pentadbiran.
- ✚ Mengadakan kemudahan sosial dan rekreasi serta mengindahkan kawasan-kawasan.
- ✚ Meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan Majlis.

Menambah penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perniagaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.





PELAN TINDAKAN

TERAS 1 : PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ORGANISASI

SUB TOPIK 1 - Merancang Pengurusan Sumber Manusia Yang Cepak

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Merancang pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan	Pelan operasi latihan	Memberi kursus/bengkel yang berkaitan selama 8 hari setahun	Peratus kehadiran kursus kakitangan selama 8 hari setahun sekurang-kurangnya 90%	2015-2020
	Kerja berpasukan	Kursus <i>Team Building</i>	Sekali setahun	2015-2020
	Latihan/ kursus kemahiran	Kursus mengikut pecahan kumpulan / gred	4 kali setahun	2015-2020

SUB TOPIK 2 - Melahirkan Pekerja Berdisiplin

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Melahirkan pekerja berdisiplin	Pemantauan kad perakam waktu	Penyeliaan kehadiran oleh Bahagian Sumber Manusia	Laporan kad perakam waktu setiap bulan	2015-2020
	Peningkatan mutu kerja	Kursus motivasi	Jemputan penceramah luar dua (2) kali setahun	2015-2020
	Patuh pada Arahan dan Pekeliling	Taklimat kefahaman dan kesedaran kepada kakitangan	Dua (2) kali setahun	2015-2020

SUB TOPIK 3 - Penjimatan Kos Pengurusan

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Menjimatkan kos pengurusan	Menghasilkan mutu kerja yang maksima dengan kos yang minimum	Penyeliaan dan jadual kerja yang sistematik	Menggunakan waktu kerja lapan (8) jam sehari dengan optimum	2015-2020
			Penjimatan kos bayaran elaun lebih masa sehingga RM30 ribu sebulan	2015-2020

SUB TOPIK 4 - Anugerah Cemerlang

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Anugerah Cemerlang	Penganugerahan kakitangan yang bermotivasi dan berdaya saing	Pemilihan kakitangan cemerlang oleh panel penilai	Dua (2) orang calon kakitangan cemerlang bulanan	2015-2020
			Calon-calon kakitangan cemerlang tahunan peringkat MDM	2015-2020
			Calon-calon kakitangan cemerlang peringkat negeri	2015-2020
			Calon-calon penerima bintang / pingat peringkat negeri dan persekutuan	2015-2020

SUB TOPIK 5 - Penstrukturan Semula Organisasi

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Penstrukturan semula organisasi	Kajian semula waran perjawatan	Mengadakan bengkel kajian semula waran perjawatan	Tiga (3) tahun sekali	2015-2020
	Pertukaran dalaman	Mengadakan pertukaran dalaman sesuai dengan perjawatan	Pertukaran dalaman sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	2015-2020

SUB TOPIK 6 : Meningkatkan Tahap Keupayaan, Kecekapan dan Kesediaan Infrastruktur ICT

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Memantapkan kemahiran dan pengetahuan ICT	Pelan Latihan ICT untuk kakitangan	Penyediaan Pelan Latihan ICT	Mewujudkan satu (1) Pelan Latihan ICT	2015-2020
Pengukuhan / Penilaian Risiko dan Keselamatan ICT	Meningkatkan keselamatan ICT	Pelaksanaan Pelan Latihan ICT	Sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali	2015-2020
		Memperbaharui 'Antivirus' semua komputer dan server utama	Setiap tahun	2015-2020
		Penyelenggaraan komputer secara berjadual	Setiap tahun	2015-2020
STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Penambahbaikan sistem aplikasi	Meningkatkan kecekapan sistem sedia ada	Integrasi aplikasi : i) OSC Online ii) E-PBT iii) i-GERAK iv) m-INFO v) e-JARI	Sekurang-kurangnya satu (1) aplikasi dan satu (1) laporan integrasi	2015-2020
Perluasan sistem aplikasi baru secara 'web based'	Meningkatkan kecekapan pengurusan ICT organisasi	Pembangunan satu (1) sistem aplikasi baru mengikut keperluan semasa	Pembangunan sekurang-kurangnya satu (1) sistem aplikasi setahun.	2015-2020

TERAS 2 : MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI SECARA KOLEKTIF

SUB TOPIK 1 - Meningkatkan Sosio-Ekonomi Setempat

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Meningkatkan sosio-ekonomi setempat	Perniagaan berkonsepkan <i>uptown</i>	Mewujudkan <i>uptown</i>	Satu (1) <i>uptown</i> di Daerah Marang.	2018
	Menambah bilangan premis atau ruang niaga	Penyediakan premis atau kawasan ruang niaga	Sekurang-kurangnya satu (1) premis atau satu (1) kawasan ruang niaga setiap tahun	2015-2020
	Mewujudkan Program Kejiranan Hijau	Melaksanakan Program Kejiranan Hijau	Sekurang-kurangnya satu (1) program setahun	2016-2020

SUB TOPIK 2 - Meningkatkan Perolehan Hasil

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Meningkatkan perolehan hasil	Meningkatkan kutipan cukai taksiran / sewaan / Lesen / Pelbagai	Pembayaran secara online	Sekurang kurangnya tiga (3) institusi kewangan	2015-2020
		Kutipan luar	Sekurang-kurangnya dua belas (12) kali setahun	
		Kempen kesedaran	Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	
		Penguatkuasaan undang-undang	Sepanjang tahun	

SUB TOPIK 3 - Memajukan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	Membantu memperluaskan prospek IKS Daerah Marang	Program bersama agensi kerajaan, Badan-badan Berkanun, NGO dan lain-lain	Sekurang-kurangnya satu (1) kali program setahun	2015-2020

SUB TOPIK 4 - Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield* Secara Terkawal.

PELAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN
-------	---------	-----------------	-------

STRATEGI	TINDAKAN		SASARAN
Pembangunan kawasan <i>brownfield</i>	Menyediakan maklumat kawasan <i>brownfield</i>	Mendokumenkan maklumat kawasan <i>brownfield</i>	Satu (1) dokumen kawasan <i>brownfield</i> 2017

TERAS 3 : KEBERSIHAN DAN KECERIAAN BANDAR

SUB TOPIK 1 - Marang Daerah Yang Bersih

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Menjadikan Marang daerah yang bersih	Meningkatkan pengurusan sisa pepejal	Menambah bilangan zon kontrak kebersihan	Bilangan zon kontrak kebersihan daripada sembilan (9) zon kepada 20 zon	2016
		Menambah kemudahan tong sampah awam	Sekurang-kurangnya dua (2) unit tong sampah berkapasiti 660L setiap 25 premis domestik dan komersial	2016-2020

		Perkhidmatan kutipan sampah dari pintu ke pintu	Sekurang-kurangnya 15 buah taman perumahan / komersial	2016-2020
		Penggunaan <i>mini incinerator</i> bagi pelupusan sisa pepejal di Pulau Kapas	Satu (1) unit	2020
	Pemohonan penambahan lori kompaktor	Penerimaan lori kompaktor baharu	Sekurang-kurangnya tiga (3) buah	2016-2020

SUB TOPIK 2 - Masyarakat Cakna Kebersihan

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingan kebersihan di kalangan masyarakat	Penglibatan masyarakat dalam program kebersihan	Mengadakan program Kawalan lalat, lipas, tikus, kucing dan nyamuk	Sekurang-kurangnya satu (1) program setahun	2015-2020

	Mewujudkan Pusat Kitar Semula di kawasan tumpuan awam	Sekurang-kurangnya tiga (3) pusat pengumpulan barang-barang kitar semula diwujudkan	2015-2020
	Mengadakan Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Tandas serta Premis makanan	Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	2015-2020
	Mengadakan Kursus Pengendalian Makanan	Sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun	2015-2020

SUB TOPIK 3 - Zon Sifar Sampah

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Meningkatkan kebersihan kawasan tumpuan awam	Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang pembuangan sampah	Mewujudkan Zon Sifar Sampah	Sekurang-kurangnya dua (2) kawasan tumpuan awam dijadikan Zon Sifar Sampah	2015-2017

SUB TOPIK 4 - Marang Bandar Dalam Taman

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Menjadikan Marang daerah yang indah dan ceria	Memastikan pembangunan landskap mengikut perancangan / garis panduan	Mewujudkan Pelan Induk Landskap	Dokumen Pelan Induk Landskap	2018
	Memperbanyakkan tanaman pokok teduhan dan hiasan	Program menanam pokok teduhan / hiasan	Sebanyak 500 pokok teduhan / hiasan ditanam setiap tahun	2015 -2020
	Memperindah-kan kawasan landskap dan rekreasi	Menaiktaraf kawasan landskap sedia ada	Semua kawasan landskap dinaiktaraf	2015 -2020
	Penjagaan kawasan landskap dan rekreasi	Penyertaan komuniti melalui Jawatankuasa Rakan Taman	Mesyuarat Jawatankuasa Rakan Taman diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun	2015-2020
	Mewujudkan mercu tanda Marang	Membina mercu tanda seperti monument / pintu gerbang	Sekurang-kurangnya satu (1) mercu tanda dibina	2015-2020
	Menyelenggara landskap secara berkala	Penyelenggaraan landskap	Sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan	2015 -2020

TERAS 4 : KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

SUB TOPIK 1: Keselamatan Bandar

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Meningkatkan Keselamatan Bandar	Meningkatkan kesedaran keselamatan bandar kepada masyarakat	Kempen Kesedaran Keselamatan Bandar	Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	2015-2020
	Menyediakan kemudahan keselamatan bandar	Menaiktaraf sistem keselamatan bandar	Penyelenggaraan kamera litar tertutup sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam tempoh lima (5) tahun	2015-2020
			Mewujudkan sekurang-kurangnya tiga (3) zon selamat dalam tempoh lima (5) tahun	2015-2020

SUB TOPIK 2: Kesejahteraan Bandar

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Meningkatkan Kesejahteraan Bandar	Memantau perancangan Pelan Rancangan Tempatan Daerah (RTD)	Semakan pelaksanaan pembangunan mengikut pelan RTD	Mesyuarat pemantauan RTD dua (2) kali setahun	2015-2020
	Kajian Rancangan Tempatan Daerah Marang (Penggantian)	Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Marang (Penggantian)	Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Marang (Penggantian)	2016-2018

TERAS 5 : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR / FIZIKAL

SUB TOPIK 1: Perancangan/Pelaksanaan Projek Jangka Pendek dan Jangka Panjang

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam serta pembinaan baru dan penyelenggaraan bangunan milik MDM	Menyediakan perancangan tahunan bagi projek bina baru dan penyelenggaraan	Pelaksanaan mengikut perancangan projek tahunan	Pelaksanaan sekurang-kurangnya 50% daripada perancangan projek tahunan	2015-2020
	Mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan projek	Permohonan peruntukan daripada pelbagai agensi	Kelulusan sekurang-kurangnya RM3 juta setahun	2015-2020
	Merancang cadangan projek jangka masa panjang	Penyediaan senarai cadangan projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)	Permohonan peruntukan untuk projek Rancangan Malaysia Ke-11(RMK-11)	2015-2020

SUB TOPIK 2 : Pelancongan

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Pembangunan Pulau Kekabu	Membangunkan Pulau Kekabu sebagai pusat rekreasi yang baharu.	Menjadikan Pulau Kekabu sebagai Taman Rekreasi Keluarga	Pembinaan Taman Rekreasi Keluarga Pulau kekabu mengikut <i>Master Plan</i>	2015-2020
		Mengadakan aktiviti pesisir air / program kebudayaan / hiburan sebagai produk pelancongan	Aktiviti atau program diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	2017-2020

SUB TOPIK 3 : Prasarana

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PROGRAM	INDIKATOR (KPI)	TAHUN SASARAN
Mewujudkan sebuah Kompleks beli belah	Permohonan peruntukan yang telah diluluskan secara dasar oleh Kerajaan Negeri	Pengwujudan sebuah kompleks beli belah moden di Taman Melawati Marang.	Pembinaan mula dilaksanakan	2015-2020
Mewujudkan Hentian Bas utama Daerah Marang	Permohonan peruntukan yang telah diluluskan secara dasar oleh Kerajaan Negeri	Pengwujudan hentian bas utama berkonsepkan <i>Park & Ride</i> di Bandar Marang	Pembinaan mula dilaksanakan	2015-2020
Mewujudkan Pasar Baru Bukit Payong	Permohonan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2016	Pengubahsuaian bangunan Futsal Bukit Payong kepada pasar	Pembinaan mula dilaksanakan	2016

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

PETA STRATEGI MAJLIS DAERAH MARANG

ELEMEN	STRATEGI
KEWANGAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan pentadbiran dengan kos yang efektif • Pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah • Meningkatkan Pencapaian Hasil dengan peningkatan kualiti perkhidmatan • Mempertingkatkan usaha menarik pelaburan dari dalam dan luar negara • Memanfaatkan kutipan hasil dengan mengembalikan semula kepada penduduk Marang melalui pelaksanaan pelan strategik • Memperkukuhkan dan mempertingkatkan hasil pendapatan Majlis Daerah Marang dengan mempelbagaikan sumber hasil • Meningkatkan kecekapan pengurusan belanjawan • Mengamalkan perbelanjaan berhemah
ORGANISASI	<ul style="list-style-type: none"> • Penyusunan semula organisasi yang mantap
KAKITANGAN	<ul style="list-style-type: none"> • Kakitangan yang berilmu, mesra dan cekap • Perkhidmatan yang telus dan menepati masa • Persekitaran kerja yang sihat, sejahtera dan terkawal
PELANGGAN	<ul style="list-style-type: none"> • Persekitaran yang mesra dan selesa • Tiada kerenah birokrasi dan menepati masa • Menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk semua urusan yang berkaitan dengan Majlis Daerah Marang • Mempercepatkan proses kelulusan permohonan yang berkaitan dengan Majlis Daerah Marang • Mewujudkan hubungan strategik antara Majlis Daerah Marang dan usahawan/peniaga yang berlesen. • Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Majlis Daerah Marang. • Mempertingkatkan kemudahan awam dan infrastruktur • Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih dan selamat • Memperkukuhkan jalinan hubungan antara komuniti dengan Majlis Daerah Marang melalui program kemasyarakatan

<p>EKONOMI</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan Portal Usahawan yang khusus untuk Daerah Marang • Memperbanyakkan pembinaan ruang niaga kepada usahawan muda • Memperbanyakkan produk dan aktiviti pelancongan • Mewujudkan pertambahan premis perniagaan bagi membantu pertumbuhan ekonomi Daerah Marang • Mewujudkan kepelbagaian jenis perniagaan • Menyediakan ruang dan suasana yang kondusif kepada sektor kecil dan sederhana/peniaga • Menggalak dan mengukuhkan sektor pelancongan • Menggalakkan penglibatan komuniti perniagaan dalam dan luar negeri
<p>TEKNOLOGI</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperluaskan penggunaan teknologi SCREEN LED bagi tujuan promosi dan pengiklanan • Menyediakan kemudahan WIFI secara menyeluruh terutama di kawasan <i>HOT SPOT</i> • Meningkatkan keceriaan dengan memanfaatkan teknologi laser dan pencahayaan • Menyediakan infrastruktur aplikasi dan keselamatan ICT. • Meningkatkan penggunaan teknologi dalam industri pembinaan • Meningkatkan penyebaran maklumat berkaitan teknologi • Mewujudkan masyarakat celik IT
<p>PROSES DALAMAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pembangunan secara terancang dan terkawal • Meningkatkan keberkesanan dan penguatkuasaan • Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan kewangan • Mempertingkatkan kecekapan pengurusan
<p>PEMBELAJARAN DAN PENGEMBANGAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan pembangunan masyarakat • Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif • Memantapkan pengurusan sumber manusia • Memperkasakan imej Majlis Daerah Marang

MEKANISMA PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap jabatan di Majlis Daerah Marang (MDM) memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam dalam tempoh lima (5) tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau di mana penilaian pencapaian akan dibuat pada setiap tahun.

Bagi menentukan sama ada prestasi pelaksanaan objektif strategik, strategi, program mencapai pada tahap penilaian sasaran yang telah ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik ini berlandaskan satu kajian keberkesanan akan dijalankan pada tahun 2017. Kajian semula tersebut akan turut mengambil kira perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Majlis Daerah Marang pada ketika itu.

Pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik ini akan diselaraskan oleh satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pelan Strategik Majlis Daerah Marang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua, Setiausaha selaku Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli yang terdiri daripada semua Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian serta Ketua Unit Majlis daerah Marang.

THE WAY FORWARD

Selepas semua perancangan strategik yang akan berakhir pada tahun 2020 ini dilaksanakan, Majlis Daerah Marang dijangka akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Walaubagaimanapun, perancangan strategik lima (5) tahun bukanlah suatu tempoh yang memadai untuk mengukur pencapaian aspek ini secara holisti kerana ia memerlukan satu usaha yang berterusan. Oleh yang demikian, untuk kesinambungan, satu Pelan Strategik MDM yang baharu bagi tahun 2021 hingga 2025 akan dibentuk apabila tiba masanya. Majlis Daerah Marang berharap akan menjadi penanda aras dan pusat rujukan di peringkat nasional dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran di Malaysia selepas tahun 2020.

BAB 4: PENUTUP

PELAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH MARANG 2015 – 2020

Kejayaan menyiapkan Pelan Strategik Majlis Daerah Marang 2015 -2020 ini adalah bukti komitmen dan kerja keras warga kerja Majlis Daerah Marang dalam menyusun strategi ke arah merealisasikan visi dan misi Majlis Daerah Marang.

Pelan Strategik ini bukan sahaja suatu rangka yang disusun untuk pelaksanaan kerja yang lebih fokus, terancang dan bersistematik namun ianya perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu sebagai dokumen terpenting organisasi bagi menentukan hala tuju Majlis Daerah Marang untuk jangka masa panjang. Penetapan Objektif Strategik adalah sangat jelas dan pencapaiannya akan diukur melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Pelan tindakan yang dirangka melalui Inisiatif Strategik menggariskan usaha-usaha yang berterusan, konsisten dan fleksibel. Tumpuan akan diberikan kepada pemantauan pencapaian, usaha mengukuhkan mekanisma pelaksanaan, penambahbaikan dan penilaian semula apa yang telah direncanakan.

Pelaksanaan Pelan Strategik ini memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak warga kerja Majlis Daerah Marang dan pihak berkepentingan. Diharap segala manifestasi yang digarap dalam Pelan Strategik ini menjadi pendorong kepada seluruh kakitangan Majlis Daerah Marang dan seterusnya menjadi harapan baru kepada penduduk Daerah Marang untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan makmur menjelang tahun 2020.